

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 18 MEI 2006, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 9

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1131-L659
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menggunakan pendekatan yang lebih berkesan bagi mengesan dan memberkas pendatang tanpa izin yang semakin berleluasa dengan menubuhkan pasukan perisikan segera sebagaimana yang pernah dilakukan ketika zaman darurat untuk memerangi pengganas komunis.
2. PN-1131-L510
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pihak Kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu badan bertindak yang proaktif bagi meningkatkan Ekuiti Hakmilik Bumiputera dalam sektor korporat di mana badan ini akan memantau serta memberikan peluang seluas-luasnya kepada usahawan-usahawan Melayu baru, berpotensi serta patriotik.
3. PN-1131-L478
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah dasar-dasar Kementerian, langkah-langkah jangka pendek dan panjang untuk memastikan setiap polisi dan dasar Kerajaan sampai, difahami dan mendapat pandangan positif dari rakyat.
4. PN-1131-L430
Tuan Lee Chee Keong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kerajaan Pusat dapat menarik pemohon-pemohon bukan bumiputera untuk mengisi jawatan-jawatan dalam Kerajaan.

5. PN-1131-L597
Datuk Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa syarikat-syarikat GLC's banyak mengalami kerugian dan prestasinya kurang memuaskan. Adakah pihak Kerajaan mempunyai satu garis panduan untuk syarikat GLC's bagi tujuan pemantauan agar syarikat GLC's terbabit berada di tahap yang menguntungkan.
6. PN-1131-L250
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menggubal silibus khas bagi membekalkan para siswazah dengan kemahiran 'survival skills' agar mereka mempunyai daya ketahanan diri dan mental untuk menghadapi cabaran yang bakal mendatang apabila mereka bekerja nanti.
7. PN-1131-L156
Datuk (Dr). Jins bin Shamsudin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tidakkah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan skim KWSP kepada seniman dan karyawan seni bagi menjamin masa hadapan mereka.
8. PN-1131-L467
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah prosedur penukaran yang perlu diikuti untuk menukar status sekolah-sekolah bantuan modal kepada sekolah-sekolah bantuan penuh.
9. PN-1131-L214
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementerian untuk menambah atau mengekalkan doktor pakar agar berkhidmat dengan hospital Kerajaan.
10. PN-1131-L401
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah pihak Jabatan Kerja Raya bercadang untuk mengeluarkan lukisan-lukisan piawai yang baru bagi sekolah, kuarters dan pejabat Kerajaan di seluruh negara memandangkan bahawa Sistem Binaan Berindustri telah mula diwajibkan sebanyak sekurang-kurangnya 50% dalam semua projek binaan Kerajaan.
11. PN-1131-L317
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bagaimanakah sasaran 75% pensyarah yang berkelulusan Ph.D pada 2015 dapat dicapai dan apakah halangannya.
12. PN-1131-L720
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bahawa Malaysia menghadapi cabaran meningkatnya isu jenayah-jenayah siber (cybercrimes). Berapakah anggaran kerugian dalam 3 tahun yang lalu akibat daripada jenayah ini.

13. PN-1131-L133
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-
- (a) apakah status dan jumlah kilang yang telah memaklumkan hasil buangan mereka; dan
 - (b) bagaimanakah caranya atau apakah mekanisme pemantauan pihak Jabatan Alam Sekitar dalam memastikan semua kilang yang menghasilkan buangan terjadual mematuhi peraturan ini.
14. PN-1131-L780
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah Kementerian sedar terdapat banyak kes membabitkan pekerja asing yang diambil bekerja di tempat penjagaan bayi dan kanak-kanak sedangkan mereka tidak mendapat penjagaan sempurna dan ada yang terjatuh dan koma akibat kecederaan teruk. Apakah tindakan Kementerian kerana kes seumpama itu bukannya kes pertama yang membabitkan pekerja asing tidak bertauliah.
15. PN-1131-L623
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jikalau simpanan minyak akan habis pada tahun 2010, adakah Kerajaan akan mengkaji untuk menarik balik subsidi minyak dalam 4 tahun yang akan datang.
16. PN-1131-L548
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah contoh negara-negara asing yang telah berjaya dan memperoleh lebih dagangan hasil daripada perjanjian FTA dengan Amerika.
17. PN-1131-L651
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-
- (a) jumlah wang EPF yang telah dilaburkan di dalam "Trust Fund" ; dan
 - (b) berapakah keuntungan yang diperolehi daripada tahun 2000 hingga 2004.

18. PN-1131-L202
Datin Naomi Chong Set Mui minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagi memastikan kejayaan pelaksanaan RMK-9, adakah YAB. Perdana Menteri berpuas hati dengan sistem penyampaian di dalam jabatan-jabatan persekutuan, negeri dan agensi-agensi pada masa ini dan sekiranya tidak, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mempertingkatkan lagi kecekapan dan keupayaan dan juga menghapuskan pengurusan yang tidak cekap.
19. PN-1131-L230
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah punca-punca berlaku kemerosotan terhadap jaguh-jaguh sukan kita seperti Nicol David dan Muhamad Hafiz Hashim setelah bergelar juara dunia tidak dapat mempertahankan kejuaraan mereka. Adakah kerana terlalu dibuai dengan ganjaran yang diberi atau negara kita terlalu kaya memanjakan atlet-atlet yang berjaya. Kenapa negara Afrika yang miskin seperti Angola boleh berjaya melangkah ke Piala Dunia.
20. PN-1131-L772
Tuan Chiw Tiang Chai minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah perkembangan terkini "E-Village" dan apakah masih ada usaha-usaha yang sedang dijalankan untuk memulihkan kembali projek ini ataupun adakah ianya telah pun dihentikan.
21. PN-1131-L573
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan dilakukan oleh Kementerian dalam membantu graduan bidang pertanian khususnya dari UPM untuk merebut peluang-peluang yang disediakan oleh Kerajaan.
22. PN-1131-L591
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menampung kekurangan guru di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil memandangkan setiap awal tahun sekolah-sekolah berkenaan sering menghadapi masalah kekurangan guru.
23. PN-1131-L445
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan usaha-usaha Kementerian dan PDRM untuk memperbaiki Indeks Keselamatan Awam dalam Indeks Kualiti Hidup Malaysia yang merosot sebanyak 21.5% dari 1990 ke 2004 dan apakah bentuk-bentuk bantuan yang dikehendaki untuk peningkatan Indeks Awam tersebut.

24. PN-1131-L706
Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) sehingga kini negara sudahpun memasuki fasa pelaksanaan RMK-9 sasaran untuk menambah golongan usahawan berjaya kelas menengah bumiputera masih lagi kurang berjaya. Apakah tindakan jangka panjang dan pendek bagi mengatasi permasalahan ini.
25. PN-1131-L271
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan maklumat terkini mengenai pengikut Black Metal di Malaysia. Oleh kerana mereka ini dikategorikan sebagai pengikut ajaran sesat, maka apakah bentuk hukuman yang boleh dijatuhkan terhadap mereka. Apakah faktor yang menyebabkan mereka ini terpengaruh dengan gejala tersebut.
26. PN-1131-L782
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah fungsi sebenar penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Harga, kerana sejak ianya ditubuhkan, harga makanan naik secara mendadak selaras kenaikan harga minyak, seolah-olah tiada tindakan dikenakan kepada peniaga yang berpesta menaikkan harga barangan dengan sewenang-wenangnya.
27. PN-1131-L381
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah kajian telah dilakukan untuk mengkaji semula penyelenggaraan dan operasi rumah api di Pulau Pisang oleh Kerajaan Singapura dan apakah langkah-langkah keselamatan yang dikenal pasti bagi membolehkan Malaysia sendiri menyelenggara dan mengawal selia operasi rumah api tersebut.
28. PN-1131-L728
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan usaha-usaha terdekat yang akan dan telah diambil Kementerian untuk menghadapi masalah bekalan air yang semakin getir terutama di Lembah Klang. Menjelang 2008, penduduk akan menghadapi kekurangan bekalan air 'potable' dan carian sumber bekalan alternatif yang masih tidak jelas.
29. PN-1131-L635
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah tenaga kerja mengikut kaum dari tahun 2001 hingga 2005 yang berkhidmat di syarikat papan utama dan papan kedua di Bursa Malaysia dan lain-lain syarikat gergasi swasta mengikut kategori kumpulan pengurusan dan eksekutif, kumpulan pertanian dan kumpulan buruh serta nyatakan apakah strategi Kementerian agar pengambilan tenaga kerja khususnya dari kumpulan pengurusan dan eksekutif dipihak swasta juga menampakkan pembahagian yang adil.

30. PN-1131-L685
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kita melihat banyak tumpuan diberi kepada pemilik lesen kontraktor Kelas 'F'. Apakah pihak Kementerian mempunyai rancangan serta penyertaan kepada kontraktor kelas lain seperti E, D, C dan B.
31. PN-1131-L490
Tuan Hii Tiong Kuoh minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menyelaraskan satu bentuk hukuman yang boleh diguna pakai oleh sekolah-sekolah khasnya sekolah menengah agar kejadian yang tidak sihat seperti samseng sekolah dapat dibendung secara saksama.
32. PN-1131-L356
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menambahkan peruntukan untuk negeri Sarawak bagi membiayai program menanam getah jenis 'high-yielding' Latex Timber Clone LTC, yang amat sesuai bagi keadaan geografi Sarawak yang boleh membantu meningkatkan lagi pendapatan penduduk luar bandar disebabkan harga getah 'natural rubber' diramalkan akan meningkat di pasaran dunia.
33. PN-1131-L809
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan bilakah Kementerian bercadang untuk mengkategorikan kemudahan telekomunikasi sebagai kemudahan asas agar semua peringkat rakyat dapat menikmati kemudahan lebih-lebih lagi di dalam dunia Teknologi Maklumat.
34. PN-1131-L335
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa banyak keuntungan yang diperolehi PETRONAS hasil kenaikan harga minyak dalam tahun-tahun 2001, 2002, 2003, 2004 dan 2005.
35. PN-1131-L669
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah Kementerian bercadang mewujudkan sebarang sistem pertanian berkelompok dan bersepadu serta latihan bagi memberikan peluang pertanian dan usahawan tani kepada keluarga bekas-bekas tentera.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **YAB. Perdana Menteri** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

merestui usaha Kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah Negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2006;

bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan Negara bersama-sama Kerajaan ke arah menjadi Negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.”

- | | | | |
|-----|----------------|--|-----------------------------------|
| 2. | (D.R. 7/2006) | Rang Undang-undang Perbekalan
Tambahan (2005) 2006 | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| 3. | (D.R. 5/2006) | Rang Undang-undang Industri
Perkhidmatan Air 2006 | “ |
| 4. | (D.R. 4/2006) | Rang Undang-undang Suruhanjaya
Perkhidmatan Air Negara 2006 | “ |
| 5. | (D.R. 8/2006) | Rang Undang-undang Paten (Pindaan)
2006 ; | “ |
| 6. | (D.R. 9/2006) | Rang Undang-undang Pengangkutan
Jalan (Pindaan) 2006; | “ |
| 7. | (D.R. 3/2006) | Rang Undang-undang Akademi Seni
Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006; | “ |
| 8. | (D.R. 6/2006) | Rang Undang-undang Pembangunan
Kemahiran Kebangsaan 2006; | “ |
| 9. | (D.R. 26/2005) | Rang Undang-undang Makanan
(Pindaan) 2005; dan | “ |
| 10. | (D.R. 2/2006) | Rang Undang-undang Lembaga
Promosi Kesihatan Malaysia 2006. | “ |